



**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SERTA-MERTA**

**MUDAH.MY DAN MUV MENGUMUMKAN KOLABORASI STRATEGIK UNTUK
RAKYAT MALAYSIA DENGAN MENAWARKAN PILIHAN KERETA TERPAKAI
TERBESAR YANG TELAH DIPERIKSA BERSAMA WARANTI**

Kuala Lumpur, Ogos 19, 2021 - Mudah.my, laman web klasified terbesar negara ini dan MUV, perintis 'Offline2Online' dan platform lengkap membida kereta pertama seumpamanya di Malaysia, berkolaborasi bagi menyediakan pilihan kereta terpakai terbesar yang telah diperiksa bersama waranti di Malaysia.

Menerusi pakatan strategik ini, Mudah.my memperkenalkan program “**Mudah Verification, Protection & Verification (mVIP)**”. Program mVIP bermatlamat untuk memberikan jaminan kepada pembeli kereta terpakai dan ketenangan fikiran terhadap kenderaan yang mereka beli dengan menyingkirkan ketidakpastian dan keraguan menerusi tiga jaminan: pertama mengesahkan butiran pendaftaran dan pemilikan kereta, kedua mengesahkan keadaan sebenar kereta menerusi proses pemeriksaan menyeluruh dan ketiga, menawarkan peluang kepada pembeli untuk membeli lanjutan waranti bagi memberi perlindungan daripada kos membaiki di masa hadapan.

Secara bersama, Mudah.my dan MUV percaya dengan penggunaan teknologi bagi menjadikan process penjualan dan pembelian kereta terpakai sesuatu yang mudah dan telus. Mudah.my pada masa ini memiliki lebih 7.5 juta pelawat unik setiap bulan dan lebih 60,000 kereta tersenarai untuk dijual. Dengan kehadiran rangkaian MUV yang terdiri daripada pemeriksa terlatih untuk menjana laporan secara atas talian, mVIP Mudah.my ini mampu memberikan rakyat Malaysia pilihan kereta terpakai terbesar yang sudah diperiksa bersama waranti di Malaysia.

“Memahami keadaan sebenar kereta terpakai merupakan masalah terbesar bagi para pembeli dan penjual. Dengan memperkenalkan mVIP, kami mencipta pasaran yang boleh dipercayai dan telus dengan menyediakan laporan tanpa bias mengenai keadaan sebenar kenderaan yang dibeli. Untuk ketenangan minda yang lebih lagi, kami turut menawarkan Lanjutan Waranti ke atas kenderaan yang telah diperiksa menerusi program mVIP,” kata Gaurav Bhasin, CEO Mudah.my.

Andy Teh, CEO MUV berkata, “Kami cukup teruja untuk bekerja bersama Mudah.my menerusi kolaborasi ini dan berkongsi kepakaran kami dalam aspek pemeriksaan kereta terpakai menerusi rangkaian pusat dan hab pemeriksaan kami di seluruh negara. Jika penjual tidak dapat datang ke pusat-pusat pemeriksaan kami, kami juga boleh menghantar pasukan ke rumah mereka untuk menjadikan proses membeli dan menjual kenderaan terpakai seberapa mudah yang boleh.”

“Laporan menyeluruh pemeriksaan 180 poin MUV pada kenderaan telah menjadi rujukan bagi lebih daripada RM1.2 bilion nilai transaksi kenderaan di atas platform bidaan MUV secara atas talian. Laporan itu diterima secara meluas sebagai standard emas yang diguna oleh pengedar di seluruh negara bagi membantu mereka menjual kenderaan terpakai tanpa perlu hadir secara fizikal bagi meninjau kenderaan terlebih dahulu,” sambung beliau.

mVIP merupakan salah satu daripada program yang akan ditawarkan menerusi pakatan strategik antara dua veteran pasaran digital industri automotif ini.

Selain menangani satu daripada perkara rumit semasa hendak menjual kereta oleh pemilik persendirian di Malaysia, Mudah.my dan MUV juga akan menawarkan **perkhidmatan lengkap** yang merangkumi pemindahan hakmilik (JPJ), pemeriksaan kereta (PUSPAKOM) dan mengatur pembiayaan dengan bayaran tetap yang kecil.

Dengan ini, pemilik kereta tidak perlu melantik orang tengah (yang lazimnya mahal) apabila mereka tidak biasa dengan proses berkenaan, dan terutama jika pembiayaan diperlukan oleh pembeli berpotensi mereka – yang merupakan halangan besar untuk penjualan menerusi atas talian di Malaysia.

“Hari ini, Mudah.my juga merupakan tempat terbaik bagi pemilik kereta untuk meraih seberapa banyak keuntungan apabila menjual kereta mereka. Pemilik kereta boleh mendapat lebih keuntungan antara 20% hingga 40% lebih lagi apabila mereka menjual kereta mereka di Mudah.my,” kata Peter Wong, Ketua Mudah Auto.

Pemilik dan pembeli kereta boleh memilih untuk memuktamadkan penjualan dan pemindahan hak milik hanya dengan melawat pusat MUV terpilih di seluruh Malaysia untuk meninggalkan sementara kenderaan mereka dan kemudian mengambilnya semula apabila pemindahan nama diselesaikan. Untuk maklumat lanjut, rakyat Malaysia digalakkan untuk melawat <https://www.mudah.my/mvip/> atau memuat turun app Mudah.my bagi melayari kategori kereta.

-TAMAT-

Mengenai Mudah.my Sdn Bhd

Mudah.my adalah sebahagian daripada Carousell, salah satu daripada platform jual beli atas talian yang paling pesat tumbuh di Asia Tenggara dan terbesar di dunia. Dilancarkan pada Ogos 2012, Carousell bermula di Singapura dan kini hadir di lapan negara di bawah jenama Carousell, Mudah, Cho Tot dan OneKyat. Carousell disokong oleh Telenor Group, Rakuten Ventures, Naver, Sequoia Capital, dan Naspers. Lawat www.carousell.com untuk maklumat lanjut.

Mengenai MUV Marketplace Sdn Bhd

MUV Marketplace, adalah platform membida kenderaan terpakai *offline2online* pertama di Malaysia. Dengan kadar kejayaan 90% dari segi transaksi yang disahkan pada 2020, muv mencatat nilai kadar barangan tertinggi (GMV) dari segi transaksi, dalam kalangan platform bidaan kereta terpakai di Malaysia (bernilai RM1.3 bilion dari segi jualan kenderaan setakat Jun 2021).

MUV juga memiliki akses ke rangkaian pengedar kereta terpakai terbesar iaitu lebih 5,000 pengedar di seluruh Malaysia dengan hab di negeri-negeri seperti Selangor, Penang, Johor, Perak dan Melaka. Di pusat dan hab pemeriksaan tersebut, muv melakukan pemeriksaan 180 poin ke atas kereta yang disenaraikan MUV untuk dijual menerusi platform atas talian atau bidaan mereka.

Menggunakan kelebihan lokasi strategiknya, MUV memberikan penilaian kereta yang pantas dan percuma untuk pelanggan `walk-in` serta pusat-pusat rakan kongsi mereka supaya pelanggan tahu nilai kereta mereka. Di pusat-pusat tersebut, pengguna juga boleh memilih untuk menyenaraikan kenderaan mereka di muvbid bagi dijual kepada ribuan pembeli berpotensi.

Lawat www.muv-x.com untuk maklumat lanjut mengenai muv serta lain-lain perkhidmatannya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mad Hat Asia
Foo Hui Shan
+6012 295 1732
huishan@madhat.asia

Mudah.my Sdn. Bhd
Jasvin Dhillon
+6012-346 3891
jasvin.dhillon@mudah.my